

13/03/1999

Aishah Ghani dahului senarai

Minarni Mat Saad

SHAH ALAM, Jumaat - Bekas menteri dan tokoh veteran Wanita Umno, Tan Sri Aishah Ghani, mendahului senarai 1,112 penerima pingat, bintang dan darjah kebesaran sempena Hari Keputeraan Sultan Selangor yang ke-73.

Aishah dan ayah Tengku Permaisuri Selangor Siti Aishah, Lt Kol (B) Abdul Rahman Tan Sri Mohd Yatim, menerima pingat bagi Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (SPMS) Kelas Pertama yang membawa gelaran Datuk Seri Paduka.

Tiga penerima Darjah Kebesaran Seri Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSSA) Kelas Pertama yang membawa gelaran Datuk Seri ialah Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor, Datuk Onn Ismail; Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom, Tan Sri Wira Mohd Saleh Sulong dan Pengerusi Syarikat, Datuk Seri Dr Kok Mew Shoon.

Seramai 17 penerima dianugerahkan Darjah Kebesaran Datuk Paduka Mahkota Selangor (DPMS) iaitu Presiden Malaysia Aids Council, Datin Paduka Marina Mahathir; Ahli Majlis Mesyuarat kerajaan negeri, Ch'ng Toh Eng; K Sivalingam dan Dr Pius Martin, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Samsudin Osman; Pengarah Syarikat, Mohd Fahmi Ibrahim; Pengarah/Pengerusi Syarikat, Tan Hua Choon; Bekas Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor, Raja Zulkifli Raja Borhan; Pengerusi Eksekutif, Datuk Halim Mohammad; doktor, Datuk Dr Low Bin Tick; Ketua Pengarah Kumpulan MASSA, Chow CK Kenneth A Wira Tjakrawinata.

Enam lagi ialah rakan kongsi firma perakaunan, Ab Halim Mohyiddin; pesara, Laksamana Madya Datuk Seri Ahmad Ramli Mohd Nor; ahli perniagaan, Tan Sri Sheikh Mohd Nasimuddin Kamal Sheikh Mohd Amin; Raja Hanipuddin Raja Nong Chik; Rahmat Abu Bakar dan Datuk Ibrahim Ali.

Seramai 53 orang menerima Darjah Kebesaran Datuk-Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (DSSA) Kelas Kedua yang membawa gelaran datuk iaitu empat Ahli Dewan Undangan Negeri, Jaei Ismai (Meru); Shoib Md Silin (Beranang); Raja Ideris Raja Ahmad (Sabak) dan Lee Hwa Beng (Subang Jaya).

Turut menerima DSSA ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Othman Mohd Rijal; Duta Besar Malaysia di Itali, Vangadesan a/l Ramanathan; Duta Besar Malaysia di Perancis, Dr Rajmah Hussain; Hakim Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, Ahmadi Asnawi; Timbalan Setiausaha Kerajaan Selangor (pengurusan), Amir Sharifuddin Abu Bakar; Yang Dipertua Majlis Perbandaran Shah Alam, Mohd Adzib Mohd Isa; Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor, Karim Marzuki; Pengarah Pembangunan Negeri, Asaha @ Ishak Abong; Ketua Polis Perak, Datuk Mariman Mohd Taib; Dekan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi Institut Teknologi Mara, Datuk Dr Sabree Salleh dan Profesor/Timbalan Pengarah, Prof Dr Mahfodz Mohamed.

Pengarah Kesihatan Selangor, Dr Ahmad Shukor Mohd Noor; Cancelor Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaya, Prof Firdaus Abdullah, Timbalan Presiden Kumpulan Darul Ehsan Bhd, Juma'ah Mokhtar; Pengurus Besar Kanan (Pelaburan) Lembaga Tabung Haji, Mohamad Shafie; Pengarah Tenaga Nasional Berhad, Yusof Ibrahim; Pengarah Urusan Swis Construction Sdn Bhd, Ishak Jaafar dan Pengarah Urusan CCB Mohamad Hasan.

Pengerusi Eksekutif, Omardin Mawaidin; Pengarah Urusan, Sulaiman Samat; Pengarah Eksekutif Syarikat, Zainal Abidin Osman, Setiausaha Kerja Umno Selangor, Shaary Suny; bekas Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor, Khalid Ahmad dan Pengarah Urusan Bandar Utama Development Sdn Bhd, Teo Chiang Hong.

Antara ahli perniagaan yang menerima DSSA ialah Ir Mohd Nasir Datuk Abu

Mansor, Shamsuddin Jamil, Abd Halim Ali, Alias Mohd Yusof, Mohamad Hasan, Mahmud Othman, Sahlan Sidik, Abu Kassim Tadin dan Mohd Som Osman.

Mereka yang menerima Darjah Kebesaran Setia Mahkota Selangor (SMS) pula ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (Seri Kembangan), Liew Yuen Keong; Pengarah Kerja Raya Selangor, Ibrahim Yaakub; Pengarah Bekalan Air Selangor, Ir Che Muhamad Che Jusoh; Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Badan Pencegah Rasuah, Ahmad Said Hamdan, Prof Madya Jabatan Syariah UKM Bangi, Prof Madya Dr Hailani Mujitahir, Pengarah Kanan Seksyen Pembahagian Unit Perancangan Ekonomi, Dr Fadhil Azim Abas; Ketua Pengarah Perbadanan Produktiviti Negara, Ismail Adam; Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Penyelidikan Jabatan Perdana Menteri, Ahmad Khalid; Timbalan Pengurus Besar PKNS, Zainuddin Zainal Abidin; Timbalan Pengurus Besar (Teknikal) PKNS, Jaliluddin Jamaluddin dan Pengarah Majlis Sukan Selangor, Naziz @ Abd Aziz Mustafa.

Lain-lain penerima ialah Pengerusi Lembaga Penasihat JPM, Zakaria Sam; Pengarah Syarikat IJM Corporation Bhd, Tan Boon Seng, Pengarah Urusan IMAC Industries Sdn Bhd, Mansor Md Jaafar, wartawan Malay Mail, Sri Krishnamayakam a/l Arasanayagam serta ahli perniagaan Habibah Abdul Rahman, Nor Hayati Onn, Tan Hoon, Anthony Francis Fernandez, Loh Koon Sooi dan Dr Mohd Radzi Abd Latif, Muhamad Mujal Abdullah.

Seramai 34 orang menerima Darjah Kebesaran Setia-Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSA).

Enam puluh tiga menerima Darjah kebesaran Ahli Mahkota Selangor (AMS) (Kelas Keempat) termasuk dua atlit negara, Gary Choong Kin Wah dan D Balasubramaniam, serta dua wartawan, Farush Khan Akbar Khan (New Straits Times) dan M Maryandy (Tamil Nesan).

Tujuh puluh lima orang menerima Darjah Kebesaran Ahli Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (ASA) (Kelas Keempat) termasuk Ketua Penyunting Utusan Malaysia, Matmor Bachik.

Watikah pelantikan Jaksa Pengaman (JP) dianugerahkan kepada 28 orang termasuk Pengarang Kumpulan New Straits Times, Ahmad Abd Talib.

(END)